



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
CREATIVE INDUSTRIES
(IJCRI)**
www.ijcrei.com



GENIUS NARATIF DAN GENIUS PEMIKIRAN DALAM DUA KARYA SASTERA LISAN MELAYU

NARRATIVE GENIUS AND THINKING IN TWO MALAY ORAL LITERATURE

Anwar Ridhwan^{1*}

¹ Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Malaysia
Email: anwar@aswara.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.10.2021

Revised date: 09.11.2021

Accepted date: 23.11.2021

Published date: 05.12.2021

To cite this document:

Ridhwan, A. (2021). Genius Naratif Dan Genius Pemikiran Dalam Dua Karya Sastera Lisan Melayu. *International Journal of Creative Industries*, 3 (8), 63-73.

DOI: 10.35631/IJCRI.38005

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Di Malaysia, sastera lisan yang disampaikan melalui pertuturan pelipurlara, merupakan seni yang paling purba dan natural. Melalui usaha perakaman sastera lisan yang kemudian dicetak dan dipasarkan, khalayak hari ini dapat menikmati warisan sastera lisan yang menarafitkan susunan masyarakat serta pelbagai isu serta konflik zamannya. Dalam sastera lisan terkandung genius naratif dan genius pemikiran pelipurlara bangsa, khususnya pelipurlara Pawang Ana melalui dua karyanya iaitu *Hikayat Malim Dewa* dan *Hikayat Anggun Che Tunggal*. Kedua-dua cerita yang dirakam sekitar tahun 1886 itu mengisahkan pelayaran sekumpulan wira Melayu ke Portugal bagi melakukan serangan balas terhadap penjajah dari barat itu dan memperoleh kemenangan. Dua karya sastera lisan ini bukan sahaja mengandungi unsur etnosentrisme malah sarat dengan pemikiran pascakolonial, kira-kira tujuh dekad mendahului wacana pascakolonial oleh para sarjana moden yang baharu mula muncul sekitar tahun 1950-an.

Kata Kunci:

Sastera Lisan, Pawang Ana, *Hikayat Malim Dewa*, *Hikayat Anggun Che Tunggal*, Etnosentrisme, Pascakolonial

Abstract:

In Malaysia, oral literature which is conveyed through a storyteller is the most ancient and instinctive art. Through the recording of the oral literature, which is then printed and marketed, the people today can enjoy the heritage of oral literature that narrates the structure of the society as well as various issues and conflicts of its time. In oral literature, it contains the genius of narrative and the

genius thought of the nation's storyteller, especially Pawang Ana through his masterpieces namely *Hikayat Malim Dewa* and *Hikayat Anggun Che Tunggal*. Both stories, recorded around 1886, narrate the voyage of a group of Malay warriors to Portugal to counter-attack the western colonists and gain victory. These two works of oral literature not only contain elements of ethnocentrism but are laden with postcolonial thinking, about seven decades ahead of postcolonial discourse by modern scholars that began to emerge around the 1950s.

Keywords:

Oral Literature, Pawang Ana, *Hikayat Malim Dewa*, *Hikayat Aanggun Che Tunggal*, Etnocentrism, Postcolonial

Pendahuluan

Makalah ini akan membicarakan dua karya sastera lisan Melayu yang telah dibukukan. Justeru kedua-dua karya ini sudah merupakan warisan, yakni warisan persuratan Melayu yang penting di Nusantara yang juga dikenali sebagai Alam Melayu.

Menurut Yuszaidy, Hanapi dan Ab Samad dalam makalah mereka berjudul “Akta Warisan Kebangsaan 2005 : Tinjauan Sepintas Lalu”, terdapat pelbagai definisi untuk menerangkan mengenai warisan. Kefahaman amat perlu dalam memahami istilah yang digunakan dalam menerangkan maksud warisan yang antara lain sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu.

Menurut mereka lagi, warisan budaya ketara boleh diterjemahkan sebagai benda yang boleh diturun-temurunkan kepada generasi akan datang dengan nilai tambah sendiri. Ia terdiri daripada gunung, sungai, masjid, candi, bangunan, monumen, pekan, makam, pantai, manuskrip, karangan-karangan lama dan baharu diberi nilai tinggi oleh masyarakat, artifak sejarah dan pemuziuman yang tergolong dalam warisan tampak. Ini semua tergolong dalam kelompok kawasan, monumen dan bangunan. Manakala warisan budaya tidak ketara boleh dijelaskan sebagai aspek bahasa dan perbahasaan seperti peribahasa, gurindam, pantun, seloka, nyanyian, tarian, muzik, komposisi muzik, lirik lagu, ungkapan tradisi dan cerita lisan rakyat.

Di Malaysia, sastera lisan yang disampaikan melalui pertuturan pelipurlara, merupakan seni yang paling purba dan naluri. Hal ini juga berlaku di negara-negara lain yang mempunyai tradisi sastera lisan, iaitu suatu tradisi penceritaan yang telah lama wujud sebelum penciptaan aksara serta tulisan, teknologi percetakan, serta rakaman audio dan video.

Dalam kelompok etnik yang paling tradisional sekali pun, menurut A.D. Smith (1986) biasanya terdapat dua golongan anggota yang paling asas. Golongan pertama lebih kepada mereka yang menangani keperluan sosioekonomi seperti: petani, tukang, yang ‘memerintah’ pengikut dan peniaga. Sementara golongan kedua lebih kepada mereka yang menangani hal-hal spiritual, seni dan akal seperti pemimpin spiritual dan para pujangga yang bertanggungjawab terhadap sistem kepercayaan, ritus berkaitan pendidikan dan sebagainya. Budi dan daya kehidupan mereka disandarkan kepada lambang-lambang dan mitos khusus yang mengartikulasikan tanggapan kelompok tentang diri mereka. Di samping itu wujud proses penyampaian, penyebaran dan tatacara memasyarakatkan segala mitos, nilai, simbol dan ingatan kolektif,

serta penyebarluasan peraturan, kanun, undang-undang dan sebagainya (Zubir Idris, 2017, h.73-74).

Latar Belakang Kajian

Bahagian latar belakang kajian ini akan menyentuh dua karya sastera lisan yang menjadi warisan sastera Melayu. Kedua-duanya dituturkan oleh Pawang Ana iaitu *Hikayat Malim Dewa* dan *Hikayat Anggun Che Tunggal*. Di samping itu bahagian latar belakang ini juga akan membicarakan serba sedikit riwayat hidup ringkas Pawang Ana.

Seperti kebanyakan pujangga zaman dahulu yang menyembunyikan nama sebenar mereka, Pawang Ana juga demikian. Beliau dipercayai menyertai gelombang penghijrahan beramai-ramai orang Rao di Sumatera ke Tanah Melayu setelah tamat Perang Padri di sana (1816-1833). Beliau memilih Kampung Pulai, Gopeng, Perak sebagai kampung halaman baharunya. Namun apabila Gopeng diserang wabak taun atau malaria, Pawang Ana dan sejumlah penduduknya berpindah ke Temoh, membuka penempatan baharu. Di sana Pawang Ana turut memberi nama desa penerokaannya sebagai Kampung Batu Masjid iaitu kampung halamannya yang baharu, berdasarkan penemuan batu besar berbentuk seakan-akan kubah masjid ketika kerja-kerja penerokaan hutan dijalankan.

Sebagai seorang pencerita atau pelipurlara yang paling tersohor khususnya di negeri Perak, peranan serta sumbangan Pawang Ana mula dikesan oleh sejumlah orientalis peminat sastera yang pada masa itu merupakan pegawai kolonial Inggeris umpamanya R.O. Winstedt. Rakaman cerita-cerita lisan Pawang Ana dibuat oleh R.O. Winstedt dan Raja Haji Yahya bin Muhammad Ali di Rumah Rehat Temoh, selama beberapa minggu, biasanya bermula pada petang Sabtu dan berakhir pada petang Ahad hari berikutnya pada tahun 1886 itu.

Daripada Pawang Ana terakamlah lima cerita lisannya yang sangat terkenal iaitu (1) *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* (suntingan A.J. Sturrock, terbit di Singapura 1908), (2) *Hikayat Malim Dewa* (diterbitkan di Singapura, 1908), (3) *Hikayat Anggun Che Tunggal* (1914), (4) *Hikayat Malim Deman* (1914) dan (5) *Hikayat Raja Muda* (1914).

Pawang Ana bukan sahaja seorang pelipur lara yang hebat. Beliau juga seorang bomoh, dukun dan pendekar. Tidak banyak tulisan yang menyentuh ketiga-tiga aspek ini. Namun ada suatu catatan menarik tentang Pawang Ana yang pernah diminta jasanya oleh pihak Inggeris untuk menemukan mayat J.W.W. Birch – seorang pegawai kolonial Inggeris - yang mayatnya hilang di Sungai Perak setelah dibunuhi ketika mandi di sungai tersebut pada 2 November 1875. Dengan ilmunya yang ada, Pawang Ana dapat menemukan mayat J.W.W Birch beberapa hari kemudian. Tulisan yang lebih rinci tentang riwayat hidup Pawang Ana boleh diikuti dalam makalah yang dihasilkan oleh Zabidin Haji Ismail (2010).

Kes Kajian: *Hikayat Anggun Che Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa*

Kes kajian ini memfokuskan dua karya sastera lisan Pawang Ana iaitu *Hikayat Anggun Che Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa*. Naratif kedua-dua hikayat ini telah meyimpang daripada kebiasaan hikayat-hikayat Melayu lama. Dalam hikayat-hikayat Melayu lama biasanya watak putera raja harus meninggalkan istana atas sesuatu sebab. Dalam pengembaraannya putera raja tersebut harus menghadapi pelbagai dugaan, termasuk melawan musuh dalam wujud manusia atau bukan manusia – seperti jin atau gergasi – dan menang. Bagaimanapun dalam kedua-dua

hikayat ini, musuh yang ditentang bukan manusia sebangsa atau jin atau gergasi, tetapi bangsa lain yang mewakili gerakan kolonialisasi barat yang berkembang ke timur khususnya Portugis.

Menurut Jelani Harun (2010) peristiwa orang Melayu berperang dengan Portugis adalah satu realiti sejarah yang banyak terakam dalam peperangan-peperangan di Melaka, Aceh, Johor, negeri-negeri di kepulauan Sumatera dan lain-lainnya, dengan latar maritim yang sangat jelas. Peristiwa tersebut dirakam dan diolah dalam beberapa hikayat Melayu, termasuk *Anggun Che Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa* yang mana sebutan Portugal telah disebut sebagai “Portukal”, “Pertokal”, “Petukal” dan beberapa variasi yang lain, yakni sebutan yang disesuaikan dengan ‘lidah Melayu’.

Satu ciri utama yang wajib ada pada diri seorang pujangga, seniman, sasterawan serta karyawan seni lainnya ialah kreativiti. Dengan adanya kreativiti ia berkemampuan atau berkelolehan, melalui daya kreatifnya, untuk mencipta sesuatu karya seni yang menjadi *forte*-nya. Seorang karyawan seni yang berkreativiti biasa-biasa hanya meneruskan kebiasaan seni yang difahaminya. Akan tetapi bagi seorang karyawan seni yang mencari aras tinggi kreativitinya akan selalu berusaha menemukan pendekatan-pendekatan baharu termasuk melanggar konvensi sedia ada. Inilah yang dilakukan oleh Pawang Ana melalui *Hikayat Anggun Che Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa*. Ia membawa masuk ke dalam ruang hikayat-hikayatnya watak-watak asing serta realiti sejarah penjajahan yang mengetuk pintu alam Melayu. Ia mengadun fiksi dengan fakta. Dan cerita-cerita hikayatnya yang menyimpang dari konvensi itu ia lakukan sekitar akhir 1870-an hingga awal 1890-an atau lebih awal dari tarikh tersebut.

Konflik awal *Hikayat Anggun Che Tunggal* bermula apabila Raja Berdurai Putih tidak dapat memperisterikan puteri-puteri raja Tiku-Periaman, iaitu sebuah kerajaan Melayu lama yang terletak di Sumatera Barat, Indonesia. Akibatnya, berlaku serangan Raja Berdurai Putih yang kemudian memusnahkan Negeri Tiku-Periaman, serta Raja Berdurai Putih berhasil melarikan puteri raja dan tujuh ahli keluarga diraja, termasuk Raja Alam Syamsudin, Raja Megat Alang, Tuan Puteri Pinang Masak dan Tuan Puteri Warna Embun yang dibawa belseyur ke Portugal.

Mujurlah di Tiku-Periaman ada seorang putera – Anggun Che Tunggal, yang ketika berlaku serangan Raja Berdurai Putih itu ia masih kecil dan terselamat. Anggun Cik Tunggal mendewasa dengan sifat-sifat keperwiraan gagah berani. Anggun CheTunggal telah mendengar cerita tentang serangan serta kekejaman Raja Berdurai Putih, dan bertekad untuk membala dendam. Anggun Che Tunggal dan beberapa orang pengikutnya telah belseyur ke barat. Di tengah samudera mereka bertembung dengan angkatan Raja Berdurai Putih yang diketuai oleh Komander Tehling. , lalu melakukan serangan. Angkatan Raja Berdurai Putih dikalahkan. Komander Tehling dan Raja Berdurai Putih mati dibunuhan oleh Anggun Che Tunggal dalam serangan tersebut.

Jika dalam *Hikayat Anggun Che Tunggal* memunculkan wira dari kerajaan Melayu Tiku-Periaman, *Hikayat Malim Dewa* pula memunculkan wira dari kerajaan Melayu Negeri Kuala Air Batu. Konflik bermula apabila Raja Portugal, dieja sebagai Pertokal, menyerang Negeri Kuala Air Batu untuk melarikan Puteri Andam Dewi, yang sudah pun bertunang dengan Malim Dewa. Bagaimanapun serangan pertama Raja Pertokal itu gagal dan Raja Pertokal serta saki baki anggota pasukannya berundur pulang.

Akan tetapi gelombang hasrat Raja Pertokal untuk memiliki Puteri Andam Dewi tidak pernah surut. Ia melakukan pelbagai ikhtiar termasuk menghantar utusan peminangan dan menggunakan ilmu sihir, tetapi usaha-usaha tersebut tidak berhasil. Lalu ia meminta pertolongan abangnya, Maharaja Sianggerai di Negeri Goa Batu Belang yang memiliki burung garuda beranak tujuh. Negeri Goa Batu Belang ini mengingatkan kita Goa di India yang merupakan kota pelabuhan yang penting dalam era penjajahan. Serangan garuda akhirnya telah memusnahkan Negeri Kuala Air Batu hingga begitu teruk sekali. Puteri Andam Dewi akhirnya dapat dibawa lari oleh Raja Pertokal.

Menyedari tunangnya telah dilarikan ke barat oleh Raja Pertokal, Malim Dewa mempersiapkan angkatan belayar ke negeri Raja Pertokal. Dengan tangannya Malim Dewa bukan sahaja berjaya membunuh garuda, malah membunuh Maharaja Sianggerai dan klimaknya membunuh Raja Pertokal itu sendiri.

Konsep Genius dan Hubungannya dengan Pawang Ana

Menyentuh tentang konsep dan definisi genius, Muhammad Haji Salleh (2013) menyebut bahawa “Persoalan ‘genius’ sudah menjadi tema kajian untuk beberapa ratus tahun, malah sejak Francis Galton pada tahun 1869. Kini tema ini menarik puluhan sarjana dari beberapa bidang, termasuk sastera, psikologi, dan kajian otak. Sebabnya bukan saja kerana genius ini mengandungi beberapa jalur rahsia yang sampai sekarang mengelak takrif yang jelas, tetapi juga kerana kesan genius terhadap khalayaknya sangat luas dan lama dan mengekor kita beberapa ratus tahun, dengan cara yang sangat intens dan menyerap masuk ke dalam kesedaran dan pemikiran kita. Kita diajar gagasan dan kata-kata serta naratif pemikir-pemikir besar ini di sekolah dan universiti. Seterusnya melalui kajian psikologi terkini ramai pula yang cuba mendekatinya melalui proses pergerakan fikiran dan dasar watak seseorang genius itu.”

Menariknya, ketika Francis Galton, iaitu seorang tokoh polymath era Victoria Inggeris menimbulkan isu genius pada 1869, sekitar dekad tersebut juga merupakan era kecemerlangan Pawang Ana sebagai seorang pelipur lara Melayu.

Muhammad (2013) seterusnya memetik kesimpulan Dean Simonton yang menyebut bahawa “seseorang genius harus mencipta, meneroka, atau merekacipta sesuatu yang tahan oleh zaman dan dapat digunakan dalam berbagai-bagai budaya atau tamadun.” Ketika menghubungkan konsep genius dengan sastera Melayu, Muhammad menyebut bahawa “genius sastera atau bahasa dituntut untuk menjadi bijaksana supaya membawa “manfaat” kepada masyarakatnya. Perkataan terdekat (bagi ‘genius’) dalam bahasa Melayu ialah “bijaksana” – yang berdasarkan keupayaan mengambil makna teras daripada pengalaman manusia dan menyimpulkan untuk khalayaknya. Pengarang yang menyumbang begini dapat kita katakan sebagai “bijaksana”.

Muhammad juga berpendapat bahawa “dalam tradisi sastera Melayu atau Asia jarang pula terdapat keinginan untuk melawan tradisi atau mencipta yang baru, namun dalam kes Tun Seri Lanang pelanggaran tradisi dan kebiasaan ini nampaknya datang daripada akal budi, watak dan juga keperluan seni dan bahasanya. Maka diciptalah karyanya (*Sulalat al-Salatin*) yang melanggar definisi biasa genre.”

Bahagian akhir pendapat Muhammad ini sangat menarik dan dapat dihubungkaitkan dengan Pawang Ana juga. Seperti kes Tun Seri Lanang melalui maha karyanya *Sulalat al-Salatin* yang melakukan pelanggaran tradisi dan kebiasaan, hal ini jugalah yang telah dilakukan oleh Pawang

Ana melalui *Hikayat Anggun Che Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa*. Pawang Ana membawa masuk ke dalam ruang hikayat-hikayatnya watak-watak manusia imperialis asing dari barat serta realiti sejarah penjajahan di alam Melayu, yang melanggar definisi biasa hikayat Melayu. Pawang Ana berusaha merekonstruksi psikologi bangsanya, untuk melupakan pahit penjajahan dengan mengapungkan wira-wira Melayu yang ‘superior’. Genius naratifnya berjalan beriringan dengan genius pemikiran baharu bagi para pendengar hikayat-hikayatnya.

Penerapan Kritikan Etnosentrisme dan Pascakolonial

Pawang Ana lahir sebelum wacana etnosentrisme dan pascakolonial dibicarakan oleh sarjana-sarjana moden dari Barat dan Timur. Bagaimanapun jika kita meneliti *Hikayat Anggun Che Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa*, terdapat unsur serta pemikiran etnosentrisme dan pascakolonial di dalamnya.

Hal ini menjadi mungkin kerana dalam proses kreatif Pawang Ana ia sendiri menjadi saksi sekali gus mangsa kepada penjajahan barat khususnya Belanda di Sumatera. Ia melakukan perenungan, pemikiran semula terhadap seaneka akibat daripada situasi tersebut.

Kedatangan imperialis barat telah mengubah ekosistem perniagaan maritim semata-mata di alam Melayu selama ribuan tahun. Motivasi utama di sebalik imperialisme ialah ekonomi, melalui eksplorasi sumber hasil serta tenaga kerja yang murah serta membuka pasaran baharu, dalam masa yang sama imperialis membentuk citranya sebagai salah satu kuasa besar antarabangsa.

Justeru, imperialism menurut Mohamad Saleeh Rahamad (2014, h.26) merujuk kepada pembentukan sebuah empayar atau peluasan dominasi sebuah negara terhadap sebuah atau beberapa buah negara, atau peluasan kedaulatan atau kawalan, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, secara politik mahupun ekonomi, oleh sesebuah kerajaan, negara, atau masyarakat terhadap negara lain.

Kita telah mengetahui pokok peristiwa dalam cerita *Hikayat Anggun Che Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa* – yang membayangkan adanya unsur etnosentrisme di dalamnya. Etnik yang mendasari istilah etnosentrisme didefinisikan oleh Anthony D. Smith (1986) sebagai satu unit masyarakat yang mempunyai sentimen kebudayaan yang merangkumi bentuk, identiti, mitos, lambang dan kod komunikasi yang tetap, yang dapat mengenalpasti perbezaan dan persamaan antara ‘kita’ dengan ‘mereka’ (Zubir Idris, 2017, h.69).

Istilah etnosentrisme menurut W.G. Summer merujuk kepada suatu pandangan bahawa kelompok sendiri adalah pusat segalanya sementara yang lain dipatutkan menurut pandangan pusat tersebut (... in which one's own group is the centre of everything, and all others are scaled and rated with reference to it). Etnosentrisme juga merujuk kepada sentiment terhadap kesepadan (*cohesion*), hubungan kesetiakawan dan kesetiaan dalam kumpulan, yang kesemuanya mencetuskan perasaan unggul yang melebihi kelompok yang lain di samping kesediaan untuk mempertahankan kepentingan kelompok daripada ancaman luar. Sesungguhnya ia adalah sentiment kesetianegaraan (*patriotism*) yang sarat dengan falsafah, yang dapat menerangkan setiap tindak-tanduk yang diambil sama ada yang bersifat melampau ataupun bersifat rasional (Zubir Idris, 2017, h.74).

Salah satu gambaran etnosentrisme Pawang Ana ialah tatkala melakarkan kemampuan Malim Dewa pergi belayar dan menyerang Raja Pertokal, yang merupakan suatu manifestasi semangat keberanian yang kental seorang wira Melayu dalam menegakkan kebenaran, dan lebih-lebih lagi maruah bangsa dan negara (Jelani Harun : 2010). Baginya, kejahanan harus dihapuskan walau dengan apa cara sekalipun. Peri Malim Dewa membunuh Raja Pertokal diceritakan seperti berikut (*Hikayat Malim Dewa*, 1971, h.102):

Hatta setelah memakai begitu, maka baginda pun turun mencari Maharaja Pertukal itu, tengah duduk di gelanggang melihat orang menyabung itu. Maka baginda pun berseru dengan nyaring suaranya, “Hai Maharaja Pertukal, jikalau sungguh engkau anak laki-laki, marilah bermain senjata dengan aku.” Maka demi didengar oleh Maharaja Pertukal bunyi suara orang menyeru dia itu, maka ia pun terlalu amat murkanya … lalu segera menghunus pedangnya, lalu diparangkan kepada baginda. Maka baginda pun segera melompat menyalahkan parang Maharaja Pertukal, tiada mengena baginda, maka baginda pun segera menghunus pedangnya, berdering bunyinya, keluar darah daripada hujungnya, maka pedang itu pun diparangkan oleh baginda kepada Maharaja Pertukal, maka kenalah leher Maharaja Pertukal, putus terpelanting kepalanya ke tanah, maka ia pun lalu mati.

Gambaran lain etnosentrisme turut tergambar pada citra Anggun Che Tunggal yang memiliki (Jelani Harun : 2010) “sifat-sifat kewiraannya yang penuh kehebatan telah membalaas perbuatan ganas Raja Bedurai Putih. Dengan tekad keberanian, dia belayar menempuh gelombang lautan untuk menuju ke negeri Raja Bedurai Putih. Dalam satu peperangan laut, angkatan Raja Bedurai Putih hancur dimusnahkan dan Raja Bedurai Putih mati dibunuhi. Saudara Raja Bedurai Putih yang bernama Raja Pertogal ketika itu terpaksa melutut meminta perdamaian dengan Anggun Che Tunggal kerana takut negerinya dibinasakan (*Hikayat Anggun Che Tunggal*, 1985, h.103):

“Ayuhan sekalian raja-raja dan orang besar-besar tentera hina dina sekalian, sekarang ini pada fikiran beta, baiklah kita persilakan Raja Tunggal Junjungan itu masuk ke dalam negeri kita ini, kita permuliakan, supaya jangan jadi peperangan kita dengan dia, kerana sebab adik beta Raja Bedurai Putih pun sudah mati dibunuohnya, dan kapal jagajaga negeri ini pun sudah ditawannya. Jikalau kita lawan juga, tentulah tiada kita beroleh menang, akhirnya kita macam adik kita juga.”

Kedua-dua hikayat petuturan Pawang Ana itu dilahirkan pada zaman pertengahan atau penghujung kolonialisasi di Alam Melayu. Selepas Perang Dunia Kedua menyaksikan banyak negara terjajah mengalami proses dekolonialisasi daripada penjajahan Eropah terutamanya. Akan tetapi di dalam kedua-dua hikayat ini terdapat idea-ideanya yang boleh ditanggapi dan didekati dengan wacana pascakolonial.

Kritikan pascakolonial terhadap karya sastera berusaha mendekati, memahami dan menilai aspek-aspek politik, sosial, budaya dan psikologi hasil daripada ideologi penjajahan atau anti penjajahan yang digarap oleh pengarangnya. Tema atau persoalan di dalam teks kesusteraan pascakolonial adalah *overlapping* (berlaku pertindanan) antara budaya kolonial dengan bangsa yang dijajah. Persoalan yang dipaparkan bermula dari saat pertembungan mereka, hingga membawa kepada kekacauan budaya dalam kehidupan bangsa tersebut. Ini termasuklah perjalanan masyarakat luar Eropah menerokai kawasan baharunya, sebarang penindasan

kolonial dalam semua bentuk mimikri (peniruan budaya barat), kehilangan jati diri, pengalaman menjadi masyarakat yang terpinggir dalam negara sendiri atau pengalaman pengembaraan ke negara-negara kolonial (Mana Sikana, 2013).

Sungguhpun Edward Said memberi judul karyanya *Orientalism* (1978), karya itu sebenarnya suatu titik tolak penting bagi wacana pascakolonialisme. Ini kerana *Orientalism* turut mendekonstruksi sumber dan bahan yang bersudut pandang orientalis sejak sekian lama. Tokoh-tokoh lain yang turut memperkasa medan wacana pascakolonialisme termasuklah Frantz Fanon, Homi Bhabha, Helen Tiffin, Laura Chrisman dan Lois Tyson.

Oksidentalisme menurut Hassan Hanafi (Saleeh: 2014) meletakkan Eropah menjadi objek yang dikaji, sedangkan golongan bukan Eropah berperanan sebagai pengkaji. Tugas oksidentalisme ialah menguraikan sejarah hubungan non-Eropah dengan Eropah, menumbangkan keangungan Eropah dengan menjadikannya sebagai objek yang dikaji, dan melenyapkan rasa rendah diri non-Eropah (Timur) dengan menjadikannya sebagai subjek pengkaji. Pascakolonial menurut Ashcroft, Griffiths dan Tiffin (Saleeh: 2014) merangkumi seluruh kebudayaan yang menerima kesan daripada proses imperialisme sejak bermulanya kolonisasi.

Kritikan pascakolonial tidak terbatas pada penelitian terhadap karya pengarang Barat semata-mata, bahkan dapat diaplikasikan dalam penelitian terhadap karya pengarang peribumi. Unsur yang diberi perhatian ialah imej “yang lain” atau *the Other* dalam karya tersebut. Jika dalam karya penulis kolonial imej *the Other* itu dikesan pada persepsi penulis kolonial terhadap bangsa peribumi, dalam karya yang dihasilkan penulis peribumi pula kesannya terlihat pada imej bangsa kolonial yang dipersepsikan oleh penulis tersebut (Saleeh, 2014, h. 37).

Melalui watak Malim Dewa dan Anggun Che Tunggal, Pawang Ana sebagai pelipurlara peribumi telah mencorakkan imej *the Other* – iaitu pembesar-pembesar Pertukal – berdasarkan persepsinya. Kemenangan Malim Dewa hingga membolehkannya mendapatkan semula tunangnya Puteri Andam Dewi, serta dapat mengalahkan Pertukal sebagai sebuah kuasa, adalah sesuatu yang ideologikal, menggarisbawahi kegeniusan pemikiran Pawang Ana meruntuhkan segala mitos tentang keagungan Barat.

Kritikan pascakolonial sangat menitikberatkan aspek penentangan yang bercorak representasi. Maksudnya paparan dalam teks pascakolonial dibentuk dan dicorakkan secara ideologikal bagi memenuhi matlamat untuk menghapuskan kolonialisme dan imperialism... Dalam wacana penentangan, pelbagai strategi telah diperkatakan oleh tokoh-tokoh pascakolonial seperti Edward W. Said, Frantz Fanon, dan Ngugi wa Thiong'o. Menurut Edward Said pengarang pascakolonial mempunyai impian untuk meruntuhkan segala-gala mitos tentang keagungan Barat sebagai usaha untuk menyembuhkan luka penjajahan... Menurut Fanon, dalam era pascakolonial, peribumi akan melakukan proses dekolonialisasi atau mengenyahkan segala unsur penjajahan, termasuklah dengan cara menghina dan memuntahkan idea kolonial semula untuk membina identiti baharu atau *new men* (Saleeh, 2014, h. 41-42).

Melalui naratif Pawang Ana, kejayaan Anggun Che Tunggal dan Malim Dewa mengalahkan kuasa Portukal bukan sahaja bersifat penghinaan kepada sebuah kuasa kolonial. Ia juga merekonstruksi watak Melayu daripada terajah kepada penjelmaan identiti baharu sebagai wira yang unggul.

Naratif tentang membina identiti baharu sebagaimana diwacanakan dalam kritikan pascakolonial juga digambarkan oleh Pawang Ana dalam *Hikayat Anggun Che Tunggal* melalui petikan berikut. Episod ini terjadi selepas Raja Pertukal dapat dikalahkan:

Arakian Raja Tunggal Junjungan pun segeralah mematahkan kunci penjara itu dengan tangannya. Maka dilihatnya ada empat orang di dalam penjara itu, terlalu amat pucat kurus rupanya. Maka Bujang Selamat pun dititahkan oleh Raja Tunggal Junjungan bertanya kepada orang yang empat orang itu. Maka Bujang Selamat berkata, “Ayuhai bapa yang kedua ini, siapa nama bapa dan ibu? Khabarkanlah kepada kami.”

Maka beberapa diseru oleh Bujang Selamat, tiada disahut oleh Raja Alam Syamsudin, dan Raja Megat Alang, dan Tuan Puteri Pinang Masak, dan Tuan Puteri Warna Embun; tercengang sahaja kerana ia tiada tahu bahasa Melayu lagi, melainkan bahasa nasrani sahaja yang ia erti.

Sembah Bujang Selamat, “Kepada fikiran patik, inilah paduka nenda itu kerana ada tokoh orang Melayu lagi, tapi ia tiada erti cakap Melayu, baiklah tuanku ambil, kita bawa ke dalam kenaikan dendang panjang itu, kita ajar bahasa Melayu pula, supaya kita dapat kisah ceritanya akan nenda yang tiga orang lagi itu, ke mana perginya?”

Pada bahagian awal cerita *Hikayat Anggun Che Tunggal* disebut bahawa setelah kejatuhan kerajaan Tiku-Periaman, Raja Berdurai Putih telah turut melarikan tujuh ahli keluarga diraja kerajaan Melayu itu ke Pertukal. Pada masa itu Anggun Che Tunggal masih kecil, tetapi telah mendengar kisah nasib malang yang menimpa tujuh orang nendanya itu. Apabila Anggun Che Tunggal berjaya membunuh Raja Berdurai Putih, yang turut menandakan kejatuhan kerajaan Pertukal itu, Anggun Che Tunggal mencari tujuh nendanya. Anggun Che Tunggal hanya dapat menemukan empat orang nendanya sebagaimana petikan di atas. Akibat telah lama berada di negara asing, keempat-empat nendanya itu tidak boleh lagi bertutur dalam bahasa Melayu, sebaliknya bertutur dalam bahasa nasrani iaitu bahasa penakluknya.

Nyatalah bahawa persoalan yang dipaparkan oleh Pawang Ana dalam hikayat ini, sejajar dengan kritikan pascakolonial, bermula dari saat pertembungan kuasa Barat dan sebuah kuasa dari timur ini, hingga membawa kepada kekacauan budaya dalam kehidupan bangsa tersebut (yang dalam hikayat ini diwakili oleh empat nenda Anggun Che Tunggal). Episod itu juga menunjukkan suatu bentuk mimikri (peniruan budaya barat), kehilangan jati diri, dan pengalaman menjadi anggota masyarakat yang terpinggir dalam negara penjajah itu sendiri.

Sesuai dengan pemikiran Fanon, dalam era pascakolonial, peribumi akan melakukan proses dekolonisasi atau mengenyahkan segala unsur penjajahan, termasuklah dengan cara menghina dan memuntahkan idea kolonial semula untuk membina identiti baharu atau *new men* (Saleeh, 2014 : 41-42). Akan tetapi Pawang Ana mendahului beberapa dekad sebelum wacana pascakolonial dibicarakan oleh para sarjana dan penulis moden di Asia dan Afrika. Dengan kejayaan Anggun Che Tunggal menewaskan Raja Berdurai Putih, melalui hikayat ini Pawang Ana telah melakukan apa yang diistilahkan sebagai ‘dekolonisasi.’ Cara Raja Berdurai Putih mati dibunuh begitu menghina sekali. Akhirnya apabila ada usaha Anggun Che Tunggal untuk membawa pulang empat nendanya bagi diajari bahasa Melayu semula, usaha ini adalah untuk

membina identiti baharu atau *new men* (Saleeh, 2014) – watak yang menghargai warisan kebudayaannya serta mendapat jati dirinya semula.

Penutup

Sebagai pelipurlara bangsa yang terkesan langsung oleh penjajahan Belanda (pada awalnya di Indonesia) dan kemudian Inggeris (apabila ia berpindah ke Tanah Melayu), Pawang Ana memindahkan pengalaman pahit penjajahan untuk diolah ke dalam naratif hikayat-hikayatnya. Proses kreatif yang dilakukan secara sedar itu bukan sahaja menyerlahkan keunggulannya sebagai pelipurlara hebat, malah telah merintis penolakan konvensi hikayat-hikayat Melayu lama yang tidak mengaitkan dengan realiti zaman baharu di mana masyarakat Melayu telah bersemuka dan berkonflik dengan bangsa asing yang sedang meluaskan penjajahan mereka.

Dalam hubungan ini terlihat kegeniusan Pawang Ana melalui naratif dan pemikirannya sebagai seniman yang peka akan kreativiti dan tema penceritaannya yang kontekstual. Sungguhpun penceritaannya masih memberatkan naratif berbanding sejarah sebenar melibatkan lokaliti dan pentarikhian, tetapi *Hikayat Anggun Che Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa* telah menjadi bukti akan peyimpangannya yang sangat ketara terhadap konvensi hikayat lama.

Pawang Ana juga tampaknya berusaha merekonstruksi psikologi bangsanya yang sedang terajah, dengan memunculkan watak-watak Anggun Che Tunggal dan Malim Dewa yang memiliki kualiti insan luar biasa. Mereka digambarkan sebagai memiliki kemampuan untuk mengalahkan musuh-musuh utama mereka yang secara semiotiknya juga bererti meruntuhkan superioriti Barat. Pelayaran mereka ke barat juga bermakna bahawa bangsa Melayu memiliki kepakaran membina kapal, logistik serta ilmu pertempuran, di samping arif tentang segala cabaran di samudera.

Melalui watak-watak protagonisnya Pawang Ana, dari sudut etnosentrisme, merujuk kepada suatu pandangan bahawa kelompok sendiri yakni bangsa Melayu adalah pusat segalanya sementara yang lain (Portugis dan sebagainya) dipatutkan menurut pandangan kehebatan Melayu. Hubungan kesetiakawan dan kesetiaan dalam kumpulan dua protagonis itu kesemuanya mencetuskan perasaan unggul yang melebihi kelompok yang lain di samping kesediaan untuk mempertahankan kepentingan kelompok daripada ancaman luar. Anggun Che Tunggal dan Malim Dewa mewakili sentimen patriotisme Melayu yang luar biasa itu.

Akhir sekali tetapi tidak kurang penting, di dalam kedua-dua hikayat ini iaitu *Anggun Che Tunggal* dan *Hikayat Malim Dewa* dapat dikesan amanat-amanat yang seajar dengan kritikan pascakolonial; sungguhpun kedua-duanya dicipta lama sebelum pascakolonial muncul dalam wacana kritikan moden. Melalui naratif dalam dua hikayat ini Pawang Ana melakukan proses dekolonialisasi serta menyingsirkan segala unsur penjajahan, termasuklah dengan cara menghina dan memuntahkan idea kolonial semula untuk membina identiti baharu bangsanya.

Kedua-dua hikayat ini secara kreatif mencatat ‘sejarah’ dan natijahnya yang pernah ditempuh oleh bangsanya. Justeru ia merupakan warisan kebijaksanaan asli atau kearifan tempatan yang pernah kita miliki, yang sarat dengan pelukisan jati diri, serta dunia perasan dan konfrontasi antara manusia yang kompleks.

Rujukan

Buku

- Barker, C. (2004). *The SAGE Dictionary of Cultural Studies*. London, England: SAGE Publication.
- Harun Mat Piah dll. (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2002). Peringga dalam Kesusasteraan Melayu. Dalam Lalita Sinha (peny). *Tradisi dan Moderniti* (h. 83-99). Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit USM.
- Mana Sikana. (2005). *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi, Selangor: Penerbit Pustaka Karya.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2014). *Oksidentalisme dalam Sastera Melayu Sebelum Merdeka hingga Era Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd. Taib Osman. (2004). *Cerita Lipur Lara Tuturan Mir Hassan dan Pawang Ana*. Kuala Lumpur, Malaysia: Yayasan Karyawan.
- Mohd. Taib Osman & Abu Hassan Sham. (1975). *Warisan Prosa Klasik*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Bukhari Lubis, Mohd. Rosli Saludin & Talib Samat (peny.). (2009). *Rao di Sana Sini*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit UPSI.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2013). Raut Halus Genius Sulalat al-Salatin. (Kertas kerja ‘Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin’ anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia)
- Pawang Ana & Raja Haji Yahya. (1971). *Hikayat Malim Dewa* (Daripada naskhah R.O. Winstedt & A.J. Sturrock). Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Pawang Ana & Raja Haji Yahya. (1985). *Hikayat Anggun Che Tunggal* (Daripada naskhah R.O. Winstedt & A.J. Sturrock). Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Smith, A.D. (1986). *The Ethnic Origin of Nation*. Oxford, England: Basil Blackwell.
- Summer, W.G. (1911). *Folkways: A Study of the Sociological Importance of Usage, Manner, Customs, Mores and Moral*. Boston, USA: Ginn & Company Publisher.
- Zubir Idris. (2017). *Etnosentrisme dalam Syair-syair Perang Melayu-Belanda*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kertas Kerja

- Jelani Harun.(2010).Pawang Ana dan Lipur Lara Maritim Melayu. Kertas kerja Seminar Pemikiran Pawang Ana., Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Ipoh, anjuran Persatuan Karyawan Perak. 25 Oktober 2010.
- Zabidin Hj. Ismail.(2010).Biografi dan Sumbangan Pawang Ana dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. Kertas kerja Seminar Pemikiran Pawang Ana, Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Ipoh, anjuran Persatuan Karyawan Perak. 25 Oktober 2010.

Laman Sesawang

- Yuszaidy Mohd. Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab Samad Kechot.Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjuaan Sepintas Lalu. Core.ac.uk/download/pdf/1149246.pdf. Diakses pada 04 Ogos 2021.